

SOALAN NO. 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan ada cadangan mewujudkan Kompleks Penyayang, yang berfungsi menempatkan semua agensinya di bawah satu bumbung, di setiap daerah atau kawasan Parlimen bagi kemudahan rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) komited dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan demi kesejahteraan kumpulan sasarnya. Sehubungan itu, pembinaan kompleks yang menempatkan semua agensi KPWKM di bawah satu bumbung yang dinamakan Kompleks Penyayang telah diwujudkan bagi kemudahan masyarakat mendapatkan perkhidmatan secara berpusat.

Kompleks Penyayang mula diwujudkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan Jabatan kepada kumpulan sasarnya seperti Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD), TASKA 1Malaysia dan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Sehingga kini terdapat 4 (empat) buah Kompleks Penyayang iaitu di Sungai Buloh, Kuala Lumpur; Kuantan, Pahang; Alor Gajah, Melaka dan Sungai Petani, Kedah.

Menyedari kepentingan Kompleks Penyayang bagi menempatkan semua agensi KPWKM di bawah satu bumbung, Kementerian telah mengenal pasti sebuah bangunan di Sri Aman untuk dijadikan Kompleks Penyayang sebagai projek perintis di bawah peruntukan RMK-10. Kompleks Penyayang ini akan menawarkan pelbagai perkhidmatan di bawah agensi Kementerian seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara dan Yayasan Kebajikan Negara. Kompleks Penyayang Sri Aman dijangka akan beroperasi pada tahun 2015.